

1977

KUANTAN, 19 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGINGATKAN PARA BELIA JANGAN BULAT-BULAT MENCEDUK ILHAM DARI BARAT UNTUK MENETAPKAN NILAI HIDUP MEREKA.

MASA DEPAN NEGARA ADALAH DI TANGAN ORANG-ORANG MUDA DAN MEREKA MESTILAH SERBA LENGKAP DENGAN NILAI HIDUP YANG KUKUH, KATA BELIAU.

TAMADDUM TEMPATAN JUGA TIDAK KURANG DARI NILAI-NILAI HIDUP YANG BOLEH MELENGKAPKAN MEREKA UNTUK TUJUAN ITU, KATA DR. MAHATHIR 300 BELIA 4-B, DI SINI KETIKA MERASMIKAN BENGKEL PEMBANGUNAN LIMA TAHUN (PELITA) GERAKAN BELIA 4-B WILAYAH TIMUR DI PUSAT LATIHAN PERTANIAN PAYA BESAR DI SINI.

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN BAHAYA KERUNTUHAN JIKA MEREKA MENCEDUK NILAI HIDUP CARA +PERMISSIVE+ DAN LIBERAL DARI BARAT.

GEJALA-GEJALA YANG DISARANKAN DALAM CARA HIDUP DEMIKIAN MESTILAH DIANGGAP SEBAGAI SATU LAGI JENIS DADAH YANG WAJIB MEREKA JAHI, KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN PARA BELIA JANGAN MENGUKUR KESALAHAN ORANG LAIN UNTUK MEREKA MENETAPKAN NILAI HIDUP SENDIRI.

KATA BELIAU +JANGAN KITA SALAHKAN SETENGAH GOLONGAN DEWASA YANG KAKI ARAK UNTUK MEMBUAT NILAI HIDUP KOMONNYA TIDAK SALAH BAGI KITA UNTUK MENAGIH DADAH.+ -- BERSAMBUNG 1414/ZCM

PARA ENAM BACA....SEBAGAI SATU LAGI +JENIS DADAH+ YANG WAJIB....
MAHATHIR 2 KUANTAN

DALAM MENYEDIAKAN NILAI HIDUP SENDIRI PARA BELIA HENDAKLAH MENKRITIK DIRI SENDIRI DAN TIDAK PULA MELETAK KESALAHAN KEPADA ORANG LAIN SEBAGAI SATU CARA UNTUK MENGURANGKAN KESALAHAN SENDIRI.

DR. MAHATHIR JUGA MENEKUR PERJUMPAAN DALAM BENTUK SEMINAR ATAU BENGKEL YANG HANYA DIGUNAKAN UNTUK +MELEPAS GERAM+ SAHAJA.

-- BERSAMBUNG 1417/ZCM

MAHATHIR 3 KUANTAN

DALAM HUBUNGAN INI, DR. MAHATHIR MEMUJI GERAKAN BELIA 4-B MALAYSIA KERANA MENGADAKAN BENGKEL-BENGKEL YANG MEMBOLEHKAN PARA PESERTANYA MEMBINCANGKAN CARA-CARA BERTINDAK SENDIRI DALAM MENCAPAI KEBAIKAN UNTUK SEMUA AHLI.

DR. MAHATHIR JUGA MEMUJI GERAKAN ITU KERANA MEMENTINGKAN PROJEK DAN BERHARAP GERAKAN ITU AKAN KEKAL DENGAN SIKAP DEMIKIAN.

BELIAU MENYERU PARA PESERTA BENGKEL TERSEBUT MENENTUKAN SIKAP MASING-MASING SUPAYA MENGETAHUI APA KEKUATAN YANG ADA PADA MEREKA DAN APA KELEMAHAN YANG DIALAMI.

SEBELUM ITU, PRESIDEN BELIA 4-B KEBANGSAAN, HAJI SUHAIMI DATUK KAMARUDDIN BERKATA PERJUANGAN GERAKAN ITU SUDAH MASUK KE TAHUN KESEPULUH.

GERAKAN BELIA 4-B AKAN TERUS MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA SOAL MENINGKATKAN MUTU AHLI-AHLINYA DENGAN MENITIKBERATKAN SOAL PELAJARAN DAN KEMAJUAN IKHTISAS.

DALAM UCAPAN ALUANNYA PULA, KETUA BELIA 4-B PAHANG, YANG MENJADI TUAN RUMAH, ENCIK ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, MEMBERITAHU ADA 25,463 AHLI GERAKAN ITU DI SELURUH KELANTAN, TRENGGANU DAN PAHANG.

TIMBALAN MENTERI BESAR, DATUK ABDUL RAHMAN ISMAIL, HADIR SAMA MENJADI PENASIHAT PADA BENGKEL TERSEBUT. -- BERNAMA 1422/ZCM